

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]**

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sehingga Julai 2020 berapa jumlah pengangguran yang telah dicatat dan sektor manakah yang mencatat jumlah pembuangan kerja tertinggi. Serta sejauh mana Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) telah berjaya memanfaatkan individu yang terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran semasa di negara ini iaitu bagi bulan Jun tahun 2020 adalah sebanyak 4.9 peratus. Kadar pengangguran ini mengalami penurunan dari 5.3 peratus pada bulan Mei 2020 dan 5 peratus pada bulan April 2020. Hal ini disebabkan pertumbuhan ekonomi negara bertambah bagus lantaran penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan dan menyebabkan pencari kerja sukar mendapatkan pekerjaan pada 3 bulan sebelum ini.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sentiasa bertindak proaktif dalam membantu dan mengesan pekerja tempatan yang terlibat dengan pemberhentian pekerja. Pada tahun 2020 sehingga 31 Julai, sebanyak 1,950 majikan dan 49,179 orang pekerja diseluruh Malaysia mengalami krisis pemberhentian ini. Dari jumlah ini seramai 37,838 orang pekerja diberhentikan secara biasa dan seramai 11,341 orang pekerja berhenti secara sukarela (VSS).

3. Bagi tujuan pecahan mengikut sektor perindustrian, sektor pembuatan mencatatkan pemberhentian tertinggi iaitu seramai 25,845 orang pekerja, diikuti oleh sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman seramai 10,113 manakala sektor perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal seramai 2,146. Ianya diikuti oleh sektor aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan iaitu seramai 1,762 orang dan yang kelima ialah sektor pentadbiran awam dan pertahanan iaitu melibatkan aktiviti keselamatan sosial wajib sebanyak 1,238 orang.

4. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan rekod **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)** seramai 72,723 orang pekerja telah kehilangan pekerjaan dari Januari hingga 14 Ogos 2020. Sektor-sektor yang terlibat dengan pemberhentian pekerja adalah seperti sektor pembuatan yang mencatatkan angka yang tertinggi iaitu sebanyak 17,153 orang (23.6%), diikuti oleh sektor penginapan dan perkhidmatan makanan dan minuman sebanyak 11,284 orang (15.5%), sektor perdagangan borong dan runcit sebanyak 10,048 orang (13.8%), sektor aktiviti profesional, saintifik dan teknikal sebanyak 6,642 orang (9.1%), sektor aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan iaitu sebanyak 5,686 orang (7.8%) dan sektor pembinaan 5,058 orang (7%).

5. Sebagai sebuah Kerajaan yang peka dengan nasib pekerja yang telah kehilangan pekerjaan, maka Sitem Insurans Pekerjaan telah diperkenalkan dan menerusi SIP PERKESO bantuan kewangan

SOALAN NO : 32

sementara ini telah dapat membantu menampung kehidupan para pekerja ini sebelum dapat bekerja semula dengan majikan baharu. Sejak SIP dilaksanakan pekerja yang kehilangan pekerjaan telah mendapat pembayaran bantuan kewangan SIP, sebanyak RM17.2 juta sepanjang tahun 2018. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak RM107.6 juta telah dibayar kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan. Sehingga 14 Ogos 2020, sebanyak RM174 juta telah dibayar kepada pekerja yang kehilangan pekerjaan.

6. Sistem Insurans Pekerjaan menawarkan dua jenis faedah iaitu faedah berbentuk kewangan dan faedah bantuan pencarian pekerjaan iaitu Elaun Mencari Pekerjaan bagi tempoh 3 - 6 bulan tertakluk kepada syarat kelayakan caruman, Elaun Bekerja Semula Awal, Elaun Pendapatan Berkurang, Elaun Latihan, Fi Latihan (Dibayar kepada Penyedia Latihan), perkhidmatan pekerjaan dan kaunseling kerjaya. Pemohon mesti membuktikan mereka aktif mencari pekerjaan bagi melayakkan mereka menerima elauan yang seterusnya.

7. Berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan, bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 14 Ogos 2020 seramai 443 orang telah menjalani latihan di bawah Latihan Sistem Insurans Pekerjaan dan sebanyak RM28,060.05 Elaun Latihan telah dibayar. Manakala sebanyak RM969,926.60 Yuran Latihan telah dibayar kepada 217 penyedia latihan yang berdaftar dengan PERKESO.

Sekian, terima kasih.